

Perkongasian dan percambahan idea

► Jejak Pemimpin Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik ke Jakarta

4B 22.11.2013 B1

DELEGASI Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah iaitu melalui program 'Road to Success' telah ke Jakarta, Indonesia baru-baru ini.

Delegasi lawatan 'Road to Success' diketuai oleh

Pengetua Kolej Kediaman CD, Dr Mohamad Nizam Nazarudin dengan disertai oleh Pengarah Program 'Road to Success', Mohammad Radfizul Radzali bersama dua orang felo dan sembilan ahli JAKMAS Kolej CD.

Delegasi telah melawat dua buah universiti iaitu Universitas Mercu Buana (UMB) dan Universitas

Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UINSH).

Dalam lawatan mereka ke UMB, rombongan telah disambut mesra oleh kakitangan akademik dan barisan kepimpinan mahasiswa Fakultas Psikologi Universitas Mercu Buana.

Dalam perjumpaan itu kedua-dua pihak bersetuju untuk menggalakkan



DELEGASI merakam gambar kenangan di Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.



ANTARA peserta program 'Road to Success' ke Jakarta.

program pertukaran pelajar antara UMS dan UMB pada masa akan datang bagi mewujudkan perkongsian bersama proses pembelajaran dan percambahan idea.

Satu diskusi ilmiah juga diadakan bagi membincangkan isu-isu kemahasiswaan dan sosial yang membelenggu masyarakat pada masa kini.

Perbincangan itu memberi penekanan terhadap jalinan kerjasama dalam bidang pendidikan di rantau Asia Tenggara yang akan dilaksanakan melalui program 'ASEAN Community'. Turut dibangkitkan isu peranan pelajar dalam keharmonian global serta pendekatan melalui aktiviti yang

“ Delegasi lawatan 'Road to Success' diketuai oleh Pengetua Kolej Kediaman CD, Dr Mohamad Nizam Nazarudin dengan disertai oleh Pengarah Program 'Road to Success', Mohammad Radfizul Radzali bersama dua orang felo dan sembilan ahli JAKMAS Kolej CD. Delegasi telah melawat dua buah universiti iaitu Universitas Mercu Buana (UMB) dan Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UINSH). ”

diambil bagi mendekatkan pelajar dengan masyarakat.

Lawatan ke UINSH pula telah disambut oleh barisan kakitangan akademik dan Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) Fakultas Psikologi.

Dalam lawatan itu, BEM telah memberi penerangan

ringkas kepada delegasi mengenai kegiatan kemahasiswaan yang dijalankan di universiti itu dan pendekatan bersifat keterbukaan dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Dalam sesi diskusi pula, perkara yang ditekankan adalah aspek kerjasama di

antara organisasi mahasiswa dengan pihak organisasi luar.

Rombongan turut berkesempatan membuat kunjungan hormat ke Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia sebagai penghargaan kepada pihak kedutaan yang banyak membantu proses lawatan delegasi ke Jakarta.

Rombongan mendapat layanan mesra oleh pihak kedutaan dalam satu majlis bersama pelajar. Antara yang hadir, Pengarah Pendidikan Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia, Prof Madya Dr Juzhar dan Pegawai Pendidikan Pelajar Malaysia di Indonesia, Maximillian Conrad.